

Teks Ucapan
YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri KPWKM
CRISIS MANAGEMENT SYMPOSIUM FOR COUNSELORS 2026
“Strengthening Counselors Competency in Crisis Intervention and Psychological Support.”

18 Ogos 2026 (Selasa) | Audi Aras 7

Yang Berusaha Encik Zaidi bin Korib,
Pegawai Eksekutif Kanan Lembaga Kaunselor Malaysia;

Yang Berbahagia Datin Dr. Ruhani Mat Min,
Mantan Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia;

Barisan penceramah yang dihormati;

Kaunselor-kaunselor berdaftar yang saya kasihi sekalian.

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis, Puan Asma Ahmad Shukri, dan
pimpinan bacaan doa oleh Encik Ahmad Muhsin Md Yusof sebentar tadi.

Selamat pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) atas penganjuran *Crisis Management Symposium for Counselors 2026* yang membawa tema *“Strengthening Counselors Competency in Crisis Intervention and Psychological Support.”*

Saya melihat penganjuran simposium ini sebagai satu inisiatif yang amat bermakna dalam memperkukuh kesiapsiagaan, kompetensi dan keupayaan kaunselor berdaftar untuk memberikan sokongan serta intervensi psikososial secara profesional dalam situasi kecemasan dan krisis.

Simposium ini merupakan inisiatif susulan daripada Memorandum of Agreement (MoA) antara Lembaga Kaunselor Malaysia dan AirAsia Aviation Management Services Sdn. Bhd., yang bertujuan memperkukuh kesiapsiagaan, kapasiti serta keupayaan respons psikososial dalam menghadapi situasi kecemasan dan krisis.

Kerjasama strategik seperti ini amat penting kerana pengurusan krisis memerlukan perkongsian kepakaran, pengalaman dan amalan terbaik antara agensi, badan profesional serta pakar dalam bidang berkaitan.

Pada masa yang sama, kerjasama sedemikian dapat memperluas jaringan profesional, mengoptimumkan sumber dan kepakaran, serta membentuk pendekatan pengurusan krisis yang lebih bersepadu, tersusun dan berkesan.

Hadirin yang saya hormati,

Kita juga perlu melihat kepentingan pengurusan krisis dalam konteks cabaran kesihatan mental semasa.

Berdasarkan *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023*, sebanyak 4.6% penduduk Malaysia berusia 16 tahun dan ke atas mengalami kemurungan, manakala 1 daripada 6 kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental, iaitu peningkatan dua kali ganda berbanding tahun 2019.

Angka-angka ini memberikan gambaran yang jelas bahawa keperluan terhadap sokongan psikologi, intervensi awal dan perkhidmatan kesihatan mental semakin penting dalam masyarakat kita.

Krisis pula tidak pernah hadir dengan pemberitahuan.

Ia boleh berlaku dalam pelbagai bentuk – sama ada bencana, kemalangan, kehilangan, kecemasan awam, mahupun situasi lain yang memberikan kesan besar kepada individu, keluarga dan komuniti.

Dalam keadaan sedemikian, perhatian kita lazimnya tertumpu kepada aspek keselamatan fizikal. Namun, kita tidak boleh mengabaikan satu lagi dimensi yang sama penting, iaitu kesejahteraan psikologi dan emosi mereka yang terkesan.

Di sinilah peranan kaunselor menjadi amat signifikan.

Kaunselor bukan sahaja membantu individu memahami dan mengurus emosi, tetapi turut memainkan peranan penting dalam membantu mereka menghadapi situasi sukar, membina semula keyakinan diri serta mendapatkan semula rasa selamat dan harapan.

Pada masa yang sama, budaya mendapatkan khidmat kaunseling perlu terus dinormalisasikan dalam masyarakat. Mendapatkan bantuan bukanlah tanda kelemahan, sebaliknya merupakan satu langkah yang bijak dan bertanggungjawab dalam mengenali diri, mengurus cabaran serta memelihara kesejahteraan diri dan keluarga.

Dalam hal ini, Lembaga Kaunselor Malaysia di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memainkan peranan penting dalam memastikan perkhidmatan kaunseling diberikan oleh kaunselor yang berdaftar dan bertauliah.

Justeru, kaunselor perlu sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan kesiapsiagaan yang bersesuaian untuk memberikan *Psychological First Aid (PFA)*, intervensi krisis, *debriefing*, *defusing* serta kaunseling kepada mangsa, ahli keluarga dan juga petugas yang terlibat.

Keupayaan untuk bertindak dengan tenang, pantas dan beretika dalam situasi krisis amat penting.

Individu yang terkesan bukan sahaja memerlukan bantuan. Mereka memerlukan seseorang yang mampu mendengar tanpa menghakimi, memahami keadaan mereka dan membantu mereka melalui saat-saat yang sukar.

Hadirin sekalian,

Saya juga ingin menekankan bahawa pengurusan krisis tidak boleh dilaksanakan oleh satu pihak secara bersendirian.

Ia memerlukan kerjasama pelbagai agensi, komunikasi yang berkesan, koordinasi yang tersusun serta mobilisasi sumber dan kepakaran pada masa yang tepat.

Dalam konteks ini, KPWKM sentiasa mengambil langkah untuk memperkukuh akses masyarakat kepada sokongan dan intervensi psikososial.

Antaranya ialah melalui Talian Kasih 15999, yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu.

Talian Kasih menyediakan pelbagai bentuk bantuan, termasuk kaunseling, konsultasi reproduktif dan bimbingan sosial. Ia menjadi salah satu saluran penting untuk memastikan individu dan keluarga yang memerlukan bantuan mempunyai tempat untuk mendapatkan sokongan.

Selain itu, melalui kempen “**Awak OK Tak?**”, KPWKM terus meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kesejahteraan emosi dan sosial, di samping menggalakkan individu yang

berhadapan dengan cabaran atau situasi krisis untuk mendapatkan bantuan yang sewajarnya.

Usaha memperkukuh keupayaan kaunselor dalam pengurusan krisis seperti yang dilaksanakan melalui simposium ini adalah selari dengan aspirasi KPWKM untuk memastikan sokongan psikososial dapat disampaikan dengan lebih cepat, profesional, beretika dan berkesan kepada mereka yang memerlukannya.

Hadirin yang saya hormati,

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha memperkukuh sistem sokongan psikososial kepada masyarakat.

Dalam ekosistem ini, kaunselor berdaftar merupakan antara kumpulan profesional yang mempunyai peranan penting dalam memastikan bantuan psikososial dapat disampaikan secara profesional, beretika dan berkesan.

Oleh yang demikian, saya amat mengalu-alukan usaha LKM untuk membangunkan kumpulan kaunselor yang lebih bersedia, terlatih dan berkeupayaan untuk digerakkan ke lokasi yang terjejas apabila berlaku sesuatu insiden atau kecemasan.

Kita mahu memastikan apabila sesuatu krisis berlaku, kita bukan sahaja mempunyai sistem yang baik, tetapi juga mempunyai barisan profesional yang benar-benar bersedia untuk bertindak.

Justeru, saya berharap agar ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh melalui simposium ini tidak terhenti setakat di dalam dewan ini sahaja.

Sebaliknya, ia hendaklah diterjemahkan kepada kesiapsiagaan sebenar, tindakan yang pantas serta penyampaian perkhidmatan psikososial yang berkualiti apabila diperlukan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada barisan penceramah yang akan berkongsi kepakaran dalam aspek pengurusan krisis, cabaran kesihatan mental semasa, *Psychological First Aid* serta intervensi krisis.

Perkongsian ilmu dan pengalaman seperti ini amat penting dalam memastikan kompetensi kaunselor terus diperkukuh dan sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Hadirin sekalian,

Akhir kata, saya berharap agar *Crisis Management Symposium for Counselors 2026* ini terus menjadi platform yang berkesan untuk memperkukuh kompetensi, membina jaringan kerjasama dan meningkatkan kesiapsiagaan kaunselor berdaftar dalam menghadapi pelbagai bentuk krisis.

Sesungguhnya, dalam situasi krisis, kehadiran seorang profesional yang kompeten, tenang dan berempati mampu memberikan perubahan yang besar kepada kehidupan seseorang.

Izinkan saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Mercu suar menerangi lautan,
Menjadi panduan kapal berlayar;
Kaunselor menjadi sumber sokongan,
Ketika krisis datang mencabar.

Selepas ribut tenanglah lautan,
Burung kembali terbang tinggi;
Selepas krisis perlukan sokongan,
Agar harapan kembali berseri.

Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Crisis Management Symposium for Counselors 2026.

Sekian, terima kasih.